

EKSKLUSIF

PENGAWAI imigresen menyod -
siasat Rozimah yang
mendakwa ditipu oleh warga
Pakistan untuk mengahwininya
di Kampung Banggol, Pantai
Cahaya Bulan.

~~#10FA1~~



HARIAN METRO METRO

27/03/2018 M/S 10





**Nor Fazlina Abdul Rahim
dan Syaheerah Mustafa**
cnews@nstp.com.my

Kota Bharu

Ibarat mimpi ngeri buat seorang suri rumah sepanjang dua tahun usia perkahwinannya dengan lelaki Pakistan.

Wanita itu yang mahu dikenali sebagai Rozimah, 59, dan 30 tahun lebih tua daripada bekas suami itu pada mulanya menyangkakan perkahwinan dibina atas dasar cinta dan kekal hingga ke akhir hayat tetapi meleset apabila menyedari dirinya

dipergunakan lelaki itu.

Menurutnya, ketika mula-mula disapa warga asing itu dikenali Muhammad, 29, Rozimah yang mempunyai lima anak mengakui terpesona dengan rupa paras dan sikap romantik lelaki berkenaan.

Katanya, Muhammad juga pandai memujuk rayu sehingga dia cair dan bersetuju untuk hidup bersama lelaki yang jauh lebih muda daripadanya itu.

“Saya tidak pernah

bermimpi akan berkahwin dengan lelaki Pakistan selepas kematian suami pada 2011.

“Pertemuan yang tidak disangka ketika lelaki itu bertandang ke rumah pada 2013 untuk menjaja karpet mengubah segala-galanya.

“Di awal pertemuan, saya sudah berterus-terang yang saya sendirian selepas kematian suami dan dia mula menunjukkan kesungguhan.

“Muhammad kerap datang ke rumah dan memberi alasan mahu menunjukkan karpet baru untuk dekati saya,” katanya ketika ditemui.

Rozimah berkata, dalam tempoh ‘bercinta’ Muham disifatkannya seorang rom dan bijak bermain kata sehingga dia terbuka hati untuk berkahwin kali kedua walaupun anak tidak bersetuju dengannya.

Bagaimanapun, sifat sebenar lelaki itu terserlah selepas enam bulan perkahwinan mereka, apabila dia sudah jarang pulang



Bekas suami hanya melayan saya baik apabila permit dia hampir tamat tempoh. Saya tidak tahan dan membuat aduan ke Jabatan Imigresen memaklumkan perbuatan suami sebelum kami bercerai pada 2015”

Rozimah



PEGAWAI
imigresen
mendengar
kisah malang
Rozimah.

Lelaki Pakistan suka jodoh berusia

Kota Bharu: Wanita berusia, mempunyai ramai anak, tidak berpelajaran dan berdepan masalah kewangan, antara ciri wanita Kelantan yang 'diidamkan' lelaki Pakistan untuk dijadikan isteri.

Berebekal rupa paras umpama pelakon Bollywood, mereka akan menggoda wanita tempatan sehingga sanggup berkahwin tetapi bukan atas dasar cinta, sebaliknya untuk mudah dapatkan permit, selain mempergunakan nama si isteri untuk berniaga termasuk membuka kedai runcit.

Modus operandi golongan pendatang itu adalah masuk ke kampung untuk menjaja karpet atau barangan lain dan pada masa sama mencari isteri yang termasuk dalam ciri diidamkan.

Sebaik menemui wanita ber-

keanaan, lelaki Pakistan akan 'mengayat' sehingga wanita tempatan jatuh cinta dan sanggup berkahwin apabila digulakan dengan pelbagai janji termasuk nafkah bulanan yang mencukupi.

Malangnya, selepas berkahwin semua janji itu tidak ditunaikan dan ada pasangan yang tidak tinggal sebumbung serta tidak menerima nafkah selepas mereka berjaya membuka kedai runcit atas nama isteri mereka.

Kebaikan warga Pakistan terhadap keluarga mereka bertaahan dalam tempoh permit belum tamat.

Wartawan NSTP dan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) Kelantan membuat lawatan ke beberapa premis yang diusahakan warga Pakis-

tan dan mendapati kebanyakannya tidak tinggal sebumbung dengan alasan perlu menjaga kedai runcit.

Apabila ditanya mengenai isteri, warga asing itu mencipta pelbagai alasan termasuk mendakwa isteri tiada di kedai dan tinggal di negeri lain bersama bapanya, semata-mata untuk melepaskan diri bagi membolehkan permit diperbaharui.

Bagi yang mendakwa tinggal bersama isteri, tinjauan turut dilakukan ke bilik tidur mereka tetapi mendapatinya agak meragukan dengan keadaan bilik yang kotor selain hanya mempunyai tilam tanpa almari pakaian serta tiada juga ruang memasak seperti keluarga normal.

Selain itu, pakaian si isteri hanya ada beberapa helai yang

digantung seolah-olah mahu mengaburi mata anggota penguat kuasa yang melakukan lawatan dan ada juga menyerahkan alamat tertentu mendakwa lokasi didiami keluarganya, sedangkan mereka tidak tinggal di situ.

Difahamkan, sejak lima tahun lalu terdapat seramai 78 warga Pakistan bernikah dengan wanita tempatan.

Pengarah Jabatan Imigresen Kelantan Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff ketika menngulas perkara itu berkata, ramai warga Pakistan mahu menjadikan wanita tempatan sebagai isteri demi kepentingan mereka.

"Bagaimanapun, bukan bermakna semua wanita tempatan berkahwin dengan warga Pakistan hanya dijadikan alat semata-mata," katanya.

“

Sebaik menemui wanita berkenaan, lelaki Pakistan akan 'mengayat' sehingga wanita tempatan jatuh cinta dan sanggup berkahwin apabila digulakan dengan pelbagai janji termasuk nafkah bulanan yang mencukupi”



CINTA SUAMI PERMIT

Wanita tempatan kesal digunakan suami warga asing untuk menetap di Malaysia

rumah dan lebih gemar tidur di kedai perabotnya.

"Dia lebih banyak beri alasan apabila ditanya, herdikkan ang saya dapat dan tidak berikan nafkah bulanan seperti dijanjikan.

"Tahun pertama usia perkahwinan saya masih boleh bertahan dengan harapan dia berubah, namun selepas memasuki tahun kedua sudah tidak mampu lagi dan sedar saya hanya menjadi mangsa untuk dia tinggal di negara ini.

"Bekas suami hanya melayan saya baik apabila permit dia hampir tamat tempoh. Saya tidak tahan dan membuat luan ke Jabatan Imigresen memaklumkan perbuatan

suami sebelum kami bercerai pada 2015," katanya.

Sementara itu, Zaiton, 57, yang turut berkahwin dengan lelaki Pakistan berusia 31 tahun bersetuju dengan pandangan Rozimah mengenai sikap romantik warga asing itu ketika mengayat mereka.

Ibu tujuh anak itu berkata, suaminya dikenali Ali turut didakwa menunggunya selama lima tahun sebelum dia bersetuju untuk disatukan dan menerima lelaki itu selepas 15 tahun menanda.

"Lima tahun saya bercinta tanpa pengetahuan anak-anak. Anak hanya mengetahui selepas tahun kedua kami berkahwin dan sehingga kini mereka masih

sukar untuk menerima perkahwinan kami.

"Anak tidak dibenarkan pulang ke rumah dan untuk menemuinya, saya akan ke kedai runcit milik suami di Pasir Hor.

"Jika sebelum ini suami hanya menjaja, namun selepas kami berkahwin, dia mampu buka kedai runcit dan saya diberi nafkah RM500 sebulan," katanya.

Zaiton tidak mahu memikirkan sama ada dirinya dipergunakan atau sebaliknya, namun memberitahu dia bahagia bersama lelaki itu walaupun perkahwinan mereka mungkin tidak seperti pasangan lain.



WAN Mohammed memeriksa warga Pakistan yang berniaga di kedai runcit di Kampung Salor.

Siasatan mengejut JIM

Kota Bharu: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kelantan akan mengadakan siasatan mengejut ke atas mana-mana pasangan yang berkahwin dengan warga asing sebelum permit golongan itu diperbaharui sejak Januari lalu.

Pendekatan itu diambil selepas pihaknya mendapati ramai wanita tempatan hanya diperalat warga asing terbabit untuk tinggal di negara ini sehingga kehidupan mereka terabai.

Pengarah JIM Kelantan Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff berkata, pihaknya tidak lagi termakan lakonan romantik pasangan berkenaan setiap kali ke pejabatnya untuk perbaharui lesen.

"Kali ini kita bertindak tegas, setiap warga asing yang berkahwin dengan wanita tempatan dan mahu memperbaharui permit, kita akan membuat lawatan mengejut di premis atau kediaman mereka.

"Kita mahu melihat sama ada pasangan terbabit menjalani kehidupan sebenar seperti suami isteri yang lain, bukannya pasangan suami-isteri di

atas kertas semata-mata.

"Tujuan kita mahu melindungi wanita tempatan daripada terus menjadi mangsa penganiayaan warga asing," katanya yang menegaskan bahawa pihaknya akan mengumpul bukti sebelum membenarkan permit golongan berkenaan diperbaharui.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan mempercayai lagi apa yang diceritakan berbanding melihat realiti sebenar termasuk siasatan di bilik tidur mereka.

"Kita tidak boleh percaya dengan apa yang mereka ceritakan kerana banyak yang tipu berbanding benar. Maklumat akan dikumpul daripada jiran atau pekerja mereka untuk mendapatkan kesahihan cerita sebelum langkah terakhir memanggil mereka ke pejabat.

"Banyak kes yang kita dapati selepas mereka berkahwin, warga asing itu tidak tinggal serumah dengan isterinya tetapi memberi nafkah bulanan supaya isteri sayang serta menyokong untuk memperbaharui permit tahunan," katanya.